



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


SIARAN KHAS: MASA YANG DIPERUNTUKKAN BAGI KERJA DOMESTIK DAN KERJA PENJAGAAN TIDAK BERBAYAR DI MALAYSIA 2025

***SPECIAL RELEASE: TIME SPENT ON UNPAID DOMESTIC AND
CARE WORK IN MALAYSIA 2025***

2025



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTIC MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**SIARAN KHAS: MASA YANG DIPERUNTUKKAN BAGI KERJA
DOMESTIK DAN KERJA PENJAGAAN TIDAK BERBAYAR DI MALAYSIA**

**SPECIAL RELEASE: TIME SPENT ON UNPAID DOMESTIC AND
CARE WORK IN MALAYSIA**

2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, bertemakan “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Announcement

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, running from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.*

***Malaysia** has, for the first time, successfully secured the **top position (1)** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by *Open Data Watch (ODW)*, surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.*

***OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

***MyLabourHub** is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.*

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://open.dosm.gov.my>

Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia

E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM20.00

Diterbitkan pada Julai 2026 / *Published on July 2026*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISBN 978-629-465-189-0

KATA PENGANTAR

Kerja rumah dan kerja penjagaan tidak berbayar merupakan aspek penting dalam kehidupan harian yang menyumbang kepada kesejahteraan isi rumah dan pembangunan sosial negara. Aktiviti seperti menjaga kanak-kanak, warga emas, orang sakit atau orang kurang upaya, serta melaksanakan tugas domestik seperti memasak, membersihkan dan mengurus rumah tangga, memainkan peranan yang besar dalam menyokong fungsi kekeluargaan dan masyarakat. Walau bagaimanapun, sumbangan ini sering tidak dinilai dalam ukuran ekonomi formal walaupun memerlukan masa dan tenaga yang signifikan.

Seiring dengan perkembangan ini, Jabatan Perangkaan Malaysia terus komited dalam memperkukuh skop statistik sosial yang mencerminkan pelbagai dimensi kesejahteraan rakyat. **Siaran Khas: Masa yang Diperuntukkan bagi Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan tidak Berbayar di Malaysia 2025** ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperluas liputan statistik rasmi, khususnya dalam aspek penggunaan masa, kesejahteraan isi rumah dan kesaksamaan jantina.

Laporan ini menyediakan maklumat berasaskan tinjauan nasional melalui Survei Indikator Isi Rumah Nasional (NHIS) 2025 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Tinjauan ini dapat memberi pemahaman mengenai corak pengagihan masa bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar dalam kalangan penduduk. Penyediaan statistik seumpama ini adalah penting bagi menyokong analisis yang lebih menyeluruh terhadap peranan dan sumbangan aktiviti tidak berbayar kepada kesejahteraan isi rumah, pembangunan sosial dan kemajuan negara.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penyediaan laporan ini. Diharapkan laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai sumber rujukan statistik yang menyokong peningkatan kefahaman terhadap kepentingan kesaksamaan jantina bagi menyumbang kepada perancangan dasar yang lebih berkesan ke arah pembangunan yang inklusif dan mampan.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2026

PREFACE

Unpaid domestic and care work is an important aspect of daily life that contributes significantly to household well-being and the social development of the nation. Activities such as caring for children, older persons, individuals who are ill, or persons with disabilities, as well as performing domestic tasks such as cooking, cleaning and household management, play a vital role in supporting families and communities. However, these contributions are often not reflected in formal economic measurements despite requiring substantial time, effort and commitment.

*In line with these developments, the Department of Statistics Malaysia remains committed to strengthening the scope of social statistics that reflect the various dimensions of people's well-being. **This Special Release: Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work in Malaysia 2025** forms part of the Department's efforts to expand the coverage of official statistics, particularly in the areas of time use, household well-being and gender equality.*

This report provides information based on a national survey, namely the National Household Indicators Survey (NHIS) 2025 conducted by the Department of Statistics Malaysia. The survey provides an understanding of time allocation patterns for unpaid domestic work and unpaid care work among the population. The production of such statistics is important in supporting a more comprehensive analysis of the role and contribution of unpaid activities to household well-being, social development and national progress.

I would like to express my sincere appreciation to all parties involved in the preparation of this report. It is hoped that this publication will serve as a valuable statistical reference in enhancing understanding of the importance of gender equality and support the formulation of more effective policies towards inclusive and sustainable development.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia


July 2026

KANDUNGAN

CONTENTS

		Muka Surat Page
	Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	ix
1	Snapshot Masa yang Diperuntukkan bagi Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar <i>Snapshot of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work</i>	3
2	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	7
3	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	25
4	Jadual Ralat Piawai Relatif <i>Relative Standard Error Tables</i>	29
5	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	37

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



Jadual Statistik

Statistical Tables

Bil. Bil.	Jadual Tables	Senarai Jadual List of Tables	Muka surat Page
1	Jadual 1 Table 1	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, Malaysia, 2025.</i>	25
2	Jadual 2 Table 2	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut jantina, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, by sex, Malaysia, 2025.</i>	25
3	Jadual 3 Table 3	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut strata, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, by strata, Malaysia, 2025.</i>	25
4	Jadual 4 Table 4	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut tahap keupayaan, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, by disability status, Malaysia, 2025.</i>	25
5	Jadual 5 Table 5	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, by age group, Malaysia, 2025.</i>	26
6	Jadual 6 Table 6	Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut kewarganegaraan dan kumpulan etnik, Malaysia, 2025. <i>Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, by citizenship and ethnic group, Malaysia, 2025.</i>	26



Jadual Ralat Piawai Relatif
Relative Standard Error Tables

Bil. <i>Bil.</i>	Jadual <i>Tables</i>	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	Muka surat <i>Page</i>
1	Jadual A1 <i>Table A1</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, Malaysia, 2025.</i>	29
2	Jadual A2 <i>Table A2</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut jantina, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, by sex, Malaysia, 2025.</i>	29
3	Jadual A3 <i>Table A3</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut strata, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, by strata, Malaysia, 2025.</i>	30
4	Jadual A4 <i>Table A4</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut tahap keupayaan, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, by disability status, Malaysia, 2025.</i>	30
5	Jadual A5 <i>Table A5</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, by age group, Malaysia, 2025.</i>	31
6	Jadual A6 <i>Table A6</i>	Ralat piawai relatif bagi anggaran purata masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut kewarganegaraan dan kumpulan etnik, Malaysia, 2025. <i>Relative standard error of estimates for average time spent on unpaid domestic and care work, by citizenship and ethnic group, Malaysia, 2025.</i>	32

**SNAPSHOT
MASA YANG DIPERUNTUKKAN BAGI
KERJA DOMESTIK DAN
KERJA PENJAGAAN TIDAK BERBAYAR**

*SNAPSHOT OF
TIME SPENT ON UNPAID
DOMESTIC AND CARE WORK*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

SIARAN KHAS: MASA YANG DIPERUNTUKKAN BAGI KERJA DOMESTIK DAN KERJA PENJAGAAN TIDAK BERBAYAR DI MALAYSIA 2025

JANTINA



Wanita meluangkan masa lebih tinggi berbanding lelaki untuk kerja-kerja tidak berbayar, purata **6 jam 7 minit** bersamaan **25.5% sehari**

Lelaki

Purata: **4 Jam 20 Minit**
Peratusan: **18.1%**



Wanita

Purata: **6 Jam 7 Minit**
Peratusan: **25.5%**



STATUS OKU



OKU

2 Jam 59 Minit



Bukan OKU

5 Jam 12 Minit

Penduduk **bukan OKU** meluangkan masa untuk kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, purata **5 jam 12 minit sehari**

STRATA



Bandar

5 Jam 10 Minit



Luar Bandar

5 Jam 13 Minit

Penduduk di kawasan **luar bandar** meluangkan masa untuk kerja-kerja tidak berbayar, purata **5 jam 13 minit sehari**

ETNIK



Melayu

5 Jam 25 Minit



Cina

4 Jam 55 Minit



Bumiputera Lain

5 Jam 12 Minit



India

4 Jam 58 Minit



Lain-Lain


5 Jam 41 Minit



Bukan Warganegara
4 Jam 41 Minit

UMUR

Kumpulan umur **45-54 tahun** meluangkan masa tertinggi untuk kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, purata **5 jam 43 minit sehari**



Sumber: Survei Indikator Isi Rumah Nasional (NHIS) 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia





SPECIAL RELEASE: TIME SPENT ON UNPAID DOMESTIC AND CARE WORK IN MALAYSIA 2025

SEX



Female spend more time in unpaid works compare to men, average of **6 hours and 7 minutes** equal to **25.5% a day**

Male

Average: **4 Hours 20 Minutes**
Percentage: **18.1%**



Female



Average: **6 Hours 7 Minutes**
Percentage: **25.5%**



DISABILITY STATUS



PWD

2 Hours 59 Minutes

Non-PWD

5 Hours 12 Minutes

People that are **non-PWD** spend time in unpaid domestic and care work, average of **5 hours and 12 minutes a day**

STRATA



Urban

5 Hours 10 Minutes



Rural

5 Hours 13 Minutes

People leave in **rural** area spend time in unpaid works, average of **5 hours and 13 minutes a day**

ETHNIC



Malay

5 Hours 25 Minutes



Chinese

4 Hours 55 Minutes



Other Bumiputera

5 Hours 12 Minutes



Indians

4 Hours 58 Minutes



Others

5 Hours 41 Minutes




Non-Citizen

4 Hours 41 Minutes


AGE

Age group **45-54 years** spend more time in unpaid domestic and care work, average of **5 hours and 43 minutes a day**



Source: National Household Indicators Survey (NHIS) 2025, Department of Statistics Malaysia (DOSM)






RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank




Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan bagi Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar

Indikator ini merangkumi penduduk berumur 15 tahun dan lebih yang melibatkan diri dalam kerja domestik serta kerja penjagaan tidak berbayar. Kerja domestik tidak berbayar merangkumi aktiviti domestik seperti memasak, mencuci dan pengurusan isi rumah secara keseluruhan. Sementara itu, kerja penjagaan tidak berbayar meliputi aktiviti penjagaan warga emas, individu sakit, orang kurang upaya (OKU) serta kanak-kanak.¹

Indikator ini diukur sebagai peratusan purata masa harian yang diluankan oleh penduduk bagi aktiviti berkenaan berbanding jumlah masa keseluruhan dalam sehari. Secara keseluruhan, penduduk Malaysia secara purata meluankan 21.6 peratus daripada masa harian atau secara purata 5 jam 11 minit sehari bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti tidak berbayar menyumbang bahagian yang signifikan dalam struktur penggunaan masa harian penduduk serta memainkan peranan penting dalam menyokong kesejahteraan isi rumah.

Analisis mengikut jantina menunjukkan bahawa secara purata, peratusan purata masa harian bagi wanita lebih tinggi berbanding lelaki dalam kerja tidak berbayar. Wanita mencatatkan 25.5 peratus, bersamaan purata 6 jam 7 minit sehari. Dari segi komposisi masa, sebahagian besar diperuntukkan kepada kerja rumah tidak berbayar iaitu sebanyak 16.3 peratus (3 jam 55 minit), manakala kerja penjagaan menyumbang 9.2 peratus (2 jam 12 minit). Keadaan ini menggambarkan bahawa secara relatif, tanggungjawab domestik masih lebih tertumpu kepada wanita, yang berpotensi memberi implikasi terhadap penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi berbayar serta keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan.


Paparan 1: Peratusan masa harian yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut jantina, Malaysia, 2025



SUMBER RUJUKAN

¹ <https://unstats.un.org/sdgs/metadata/files/Metadata-05-04-01.pdf>

RINGKASAN PENEMUAN




Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar

Mengikut strata, perbezaan dalam peratusan purata masa harian bagi kerja tidak berbayar antara penduduk bandar dan luar bandar adalah minimum. Penduduk luar bandar secara purata meluangkan 21.7 peratus (5 jam 13 minit) daripada masa harian, manakala penduduk bandar mencatatkan 21.5 peratus (5 jam 10 minit). Walaupun perbezaan keseluruhan adalah kecil, penduduk luar bandar didapati memperuntukkan lebih sedikit masa kepada kerja domestik tidak berbayar berbanding penduduk bandar, manakala peratusan bagi kerja penjagaan adalah hampir seimbang antara kedua-dua kawasan. Dapatan ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal hanya memberi pengaruh yang terhad terhadap pengagihan masa bagi aktiviti tidak berbayar.

Jika dibandingkan mengikut jenis kerja, penduduk luar bandar lebih banyak meluangkan masa untuk kerja domestik iaitu 14.2 peratus (3 jam 24 minit), manakala kerja penjagaan mencatat 7.5 peratus (1 jam 49 minit). Bagi penduduk bandar pula, kerja domestik menyumbang 13.8 peratus (3 jam 19 minit) dan kerja penjagaan sebanyak 7.7 peratus (1 jam 51 minit).

Paparan 2: Peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut strata, Malaysia, 2025






Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar


Carta 1 menunjukkan peratusan purata masa harian bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut kumpulan umur. Kumpulan umur 45 hingga 54 tahun mencatatkan nilai tertinggi iaitu 23.8 peratus (5 jam 43 minit) daripada masa harian, diikuti oleh kumpulan umur 25 hingga 44 tahun sebanyak 23.3 peratus (5 jam 35 minit) serta kumpulan umur 55 hingga 64 tahun sebanyak 23.0 peratus (5 jam 31 minit). Sebaliknya, golongan berumur 15 hingga 24 tahun mencatatkan peratusan terendah iaitu 16.2 peratus (3 jam 53 minit). Dari perspektif jenis kerja, kerja domestik tidak berbayar mencatatkan peratusan tertinggi dalam kalangan umur 55 hingga 64 tahun (16.4% ; 3 jam 56 minit), manakala kerja penjagaan tertinggi dalam kalangan umur 25 hingga 44 tahun (9.3% ; 2 jam 14 minit). Corak ini mencerminkan bahawa individu dalam kumpulan umur pertengahan memikul tanggungjawab domestik dan penjagaan yang lebih besar dalam kitaran kehidupan.

Carta 1: Peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2025



Kumpulan Umur	Kerja Domestik	Kerja Penjagaan	Jam Kerja
Jumlah	13.9% (3 jam 20 minit)	7.7% (1 jam 50 minit)	21.6% (5 jam 11 minit)
15-24 tahun	11.1% (2 jam 40 minit)	5.1% (1 jam 13 minit)	16.2% (3 jam 53 minit)
25-44 tahun	14.0% (3 jam 22 minit)	9.3% (2 jam 14 minit)	23.3% (5 jam 35 minit)
45-54 tahun	15.2% (3 jam 38 minit)	8.6% (2 jam 04 minit)	23.8% (5 jam 43 minit)
55-64 tahun	16.4% (3 jam 56 minit)	6.6% (1 jam 35 minit)	23.0% (5 jam 31 minit)
65 tahun dan lebih	15.3% (3 jam 40 minit)	5.9% (1 jam 25 minit)	21.2% (5 jam 05 minit)

RINGKASAN PENEMUAN




Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar


Perbandingan mengikut kewarganegaraan menunjukkan bahawa Warganegara Malaysia secara purata meluankan 21.8 peratus (5 jam 14 minit) daripada masa harian untuk kerja tidak berbayar berbanding 19.5 peratus (4 jam 41 minit) bagi Bukan warganegara. Dari segi etnik, walaupun terdapat variasi dalam peratusan purata masa, kerja domestik tidak berbayar kekal sebagai komponen utama dalam penggunaan masa bagi semua kumpulan etnik. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti domestik merupakan tanggungjawab asas yang dikongsi merentasi pelbagai latar belakang sosial.

Kumpulan etnik Lain-lain mencatatkan kadar tertinggi iaitu 23.7 peratus (5 jam 41 minit), diikuti Melayu sebanyak 22.6 peratus (5 jam 25 minit). Sebaliknya, etnik Cina mencatatkan kadar terendah iaitu 20.5 peratus (4 jam 55 minit).

Dari segi jenis kerja, kerja domestik merupakan penyumbang utama bagi semua etnik, manakala etnik Melayu mencatatkan kadar kerja penjagaan tertinggi iaitu 8.6 peratus (2 jam 4 minit), menunjukkan penglibatan yang lebih besar dalam aktiviti penjagaan berbanding kumpulan etnik lain.

Paparan 3: Peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut kewarganegaraan dan kumpulan etnik, Malaysia, 2025






Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar


Berdasarkan status keupayaan, golongan bukan OKU secara purata meluangkan 21.7 peratus (5 jam 12 minit) daripada masa harian untuk kerja tidak berbayar, berbanding 12.5 peratus (2 jam 59 minit) dalam golongan OKU. Walaupun peratusan masa yang diperuntukkan oleh golongan OKU adalah lebih rendah, dapatan ini menunjukkan bahawa mereka tetap terlibat dalam aktiviti domestik dan penjagaan. Golongan OKU mencatatkan 8.3 peratus (1 jam 59 minit) untuk kerja domestik dan 4.2 peratus (1 jam 1 minit) untuk kerja penjagaan. Perbezaan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh tahap keupayaan fizikal serta keperluan sokongan dalam kehidupan seharian, sekali gus menekankan keperluan kepada pendekatan yang lebih inklusif dalam penyediaan sokongan sosial.

Paparan 4: Peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar mengikut tahap keupayaan, Malaysia, 2025



Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar merangkumi bahagian yang signifikan dalam peratusan purata masa harian penduduk Malaysia. Walau bagaimanapun, perbezaan yang wujud mengikut jantina, umur dan faktor sosiodemografi lain menunjukkan bahawa pengagihan masa bagi kerja tidak berbayar masih belum seimbang. Keadaan ini memberi implikasi terhadap kesejahteraan sosial, penyertaan ekonomi dan keseimbangan kehidupan, justeru memerlukan perhatian dasar yang lebih menyeluruh dalam usaha memastikan pengagihan masa yang lebih saksama.

RINGKASAN PENEMUAN



Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar

Perbandingan Peratusan Purata Masa Harian Malaysia dengan Negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

Analisis penggunaan masa pada peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa kerja domestik dan kerja penjagaan tidak membayar merupakan komponen utama dalam struktur penggunaan masa harian penduduk. Berdasarkan pendekatan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), statistik penggunaan masa lazimnya dikumpulkan melalui kaedah diari masa harian yang merekod pengagihan aktiviti dalam tempoh 24 jam bagi setiap individu.¹

Dapatan antarabangsa yang berkaitan dengan negara anggota OECD menunjukkan bahawa wanita meluangkan sekitar 17 peratus daripada masa harian untuk kerja domestik dan penjagaan tidak membayar, manakala lelaki meluangkan sekitar 9 hingga 11 peratus daripada masa harian bagi aktiviti yang sama. Jurang ini menunjukkan bahawa wanita di negara OECD secara umumnya memperuntukkan hampir dua kali ganda masa berbanding lelaki untuk kerja tidak membayar.^{2,3}

Dalam konteks Malaysia, wanita mencatatkan 25.5 peratus daripada masa harian dan lelaki 18.1 peratus bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak membayar. Perbandingan ini menunjukkan bahawa peratusan purata masa harian yang diluangkan oleh penduduk Malaysia adalah lebih tinggi bagi kedua-dua jantina berbanding corak yang diperhatikan dalam kumpulan negara OECD yang dirujuk.^{4,5} Walau bagaimanapun, perbandingan ini hendaklah ditafsir dengan berhati-hati memandangkan nilai negara OECD tersebut bersumberkan siri data antarabangsa dengan tahun rujukan terkini yang berbeza antara negara.^{4,5}

SUMBER RUJUKAN


¹ OECD, Time use for work, care and other day-to-day activities, OECD Family Database. OECD menerangkan bahawa tinjauan penggunaan masa lazimnya menggunakan time diary untuk merekod aktiviti harian.

² World Bank Open Data, Proportion of time spent on unpaid domestic and care work, male (% of 24 hour day) OECD members; data disusun daripada kompilasi United Nations Statistics Division.

³ World Bank Gender Data Portal, Proportion of time spent on unpaid domestic and care work (% of 24-hour day), female; data bersumberkan United Nations Statistics Division.

⁴ Paparan OECD members dalam World Bank Open Data menunjukkan tahun rujukan terkini berbeza mengikut negara, contohnya Australia 2021, Austria 2022 dan Canada 2023; oleh itu perbandingan rentas negara perlu ditafsir secara berhati-hati.

⁵ World Bank Data360, Gender Statistics: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work (% of 24 hour day). Definisi indikator menyatakan data dinyatakan sebagai proportion of time in a day dan dibezakan mengikut jantina.



Peratusan Purata Masa Harian yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar


Perbandingan Malaysia dan Antarabangsa

Perbandingan dengan dapatan antarabangsa menunjukkan bahawa peratusan purata masa harian yang diluankan oleh penduduk Malaysia untuk kerja domestik dan penjagaan tidak berbayar adalah lebih tinggi bagi kedua-dua jantina. Di Malaysia, wanita mencatatkan 25.5 peratus daripada masa harian, manakala lelaki mencatatkan 18.1 peratus, bersamaan 6 jam 7 minit dan 4 jam 20 minit sehari masing-masing.

Sebagai perbandingan, data antarabangsa yang dikompilasikan oleh *United Nations Statistics Division* dan dipaparkan melalui pangkalan data *World Bank* menunjukkan bahawa dalam kalangan negara OECD, peratusan purata masa harian yang diluankan oleh wanita untuk kerja domestik dan penjagaan tidak berbayar adalah sekitar 17.1 peratus, manakala lelaki sekitar 9.1 peratus, berdasarkan purata ringkas daripada nilai negara dengan tahun rujukan terkini yang berbeza.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan dalam kerja tidak berbayar di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding purata negara OECD, khususnya dalam kalangan wanita. Walau bagaimanapun, dapatan ini perlu ditafsir dengan berhati-hati memandangkan nilai bagi negara OECD tersebut merupakan purata ringkas berasaskan data negara yang tidak seragam dari segi tahun rujukan dan metodologi pengumpulan data.

Carta 2: Peratusan Masa yang Diperuntukkan untuk Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar mengikut jantina bagi negara terpilih



RUMUSAN

Analisis penggunaan masa menunjukkan bahawa kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar merupakan komponen penting dalam struktur penggunaan masa harian penduduk. Berdasarkan indikator statistik yang digunakan, iaitu peratusan purata masa harian yang diluankan untuk kerja tidak berbayar, dapatan menunjukkan bahawa aktiviti ini menyumbang bahagian yang signifikan dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

Secara keseluruhan, penduduk Malaysia memperuntukkan purata 21.6 peratus daripada masa harian, bersamaan 5 jam 11 minit sehari, untuk kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar. Dapatan ini menegaskan bahawa kerja tidak berbayar memainkan peranan penting dalam menyokong kelangsungan isi rumah serta kesejahteraan sosial, walaupun tidak dinilai secara langsung dalam ukuran ekonomi formal.

Dari perspektif jantina, terdapat ketidakseimbangan yang jelas dalam pengagihan masa, di mana wanita meluankan 25.5 peratus daripada masa harian, berbanding lelaki yang mencatatkan peratusan yang lebih rendah. Corak ini mencerminkan tanggungjawab domestik yang masih tertumpu kepada wanita, selari dengan dapatan antarabangsa yang menunjukkan bahawa wanita secara konsisten memperuntukkan masa yang lebih tinggi berbanding lelaki bagi kerja domestik dan penjagaan tidak berbayar.

Perbandingan dengan negara anggota OECD menunjukkan bahawa tahap penglibatan dalam kerja tidak berbayar di Malaysia adalah lebih tinggi bagi kedua-dua jantina. Secara purata, wanita dalam negara OECD meluankan sekitar 17 peratus daripada masa harian, manakala lelaki sekitar 9 hingga 11 peratus, yang jauh lebih rendah berbanding Malaysia. Dapatan ini menunjukkan bahawa beban kerja tidak berbayar dalam konteks Malaysia adalah lebih besar secara keseluruhan, walaupun corak ketidakseimbangan jantina adalah konsisten dengan *trend* global.

Perbezaan ini mencerminkan pengaruh faktor struktur seperti kemudahan sokongan penjagaan, norma sosial, serta tahap penyertaan tenaga buruh dalam sesebuah negara. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa negara dengan sistem sokongan penjagaan yang lebih komprehensif dan dasar kerja yang fleksibel cenderung mencatatkan tahap penggunaan masa yang lebih rendah bagi kerja tidak berbayar serta jurang jantina yang lebih kecil.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar bukan sahaja merupakan fenomena sosial, tetapi juga isu pembangunan yang mempunyai implikasi langsung terhadap kesejahteraan masyarakat dan produktiviti ekonomi. Dalam konteks Malaysia, tahap penglibatan yang lebih tinggi berbanding negara OECD menunjukkan keperluan kepada pendekatan dasar yang lebih komprehensif, termasuk pengukuhan ekosistem penjagaan, peningkatan akses kepada perkhidmatan sokongan, serta penggalakan pembahagian tanggungjawab domestik yang lebih saksama.

Sehubungan itu, pengiktirafan terhadap nilai kerja tidak berbayar, bersama-sama dengan penyediaan dasar yang menyokong keseimbangan kerja-kehidupan dan kesaksamaan *gender*, adalah penting dalam memastikan pengagihan masa yang lebih adil serta meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan sosial negara secara menyeluruh.




Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

This indicator covers the population aged 15 years and over who engage in unpaid domestic and care work. Unpaid domestic work refers to household activities such as cooking, cleaning and overall household management. Meanwhile, unpaid care work includes activities such as caring for elderly persons, individuals with illnesses, persons with disabilities (PWD) and children.¹

The indicator is measured as the average percentage of daily time spent by the population on these activities relative to the total available time in a day. Overall, the Malaysian population spends an average of 21.6 per cent of their daily time, equivalent to 5 hours and 11 minutes per day, on unpaid domestic and care work. This finding indicates that unpaid activities constitute a significant component of daily time use and play an important role in supporting household well-being.

Analysis by sex shows that, on average, females spend a higher proportion of their daily time on unpaid work as compared with males. Females account for 25.5 per cent, equivalent to an average of 6 hours and 7 minutes per day. In terms of time composition, a larger share is allocated to unpaid domestic work at 16.3 per cent (3 hours and 55 minutes), while unpaid care work accounts for 9.2 per cent (2 hours and 12 minutes). This pattern reflects that domestic responsibilities remain disproportionately concentrated among females, which may have implications for their participation in paid economic activities as well as work-life balance.

Figure 1: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work by sex, Malaysia, 2025



REFERENCES

¹ <https://unstats.un.org/sdgs/metadata/files/Metadata-05-04-01.pdf>

SUMMARY OF FINDINGS




Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

By strata, the difference in the average daily time spent on unpaid work between urban and rural populations is small. Rural population allocate an average of 21.7 per cent (5 hours and 13 minutes) of their daily time to unpaid domestic and care work, while urban population record 21.5 per cent (5 hours and 10 minutes). Although the overall difference is small, rural population are observed to allocate slightly more time to unpaid domestic work as compared with urban population, whereas the proportion of time spent on unpaid care work is broadly similar across both areas. This indicates that place of residence has a limited influence on the distribution of time spent on unpaid activities.

In terms of activity composition, rural population spend more time on unpaid domestic work at 14.2 per cent (3 hours and 24 minutes), while unpaid care work accounts for 7.5 per cent (1 hour and 49 minutes). In contrast, urban population allocate 13.8 per cent (3 hours and 19 minutes) to unpaid domestic work and 7.7 per cent (1 hour and 51 minutes) to unpaid care work.

Figure 2: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work by strata, Malaysia, 2025




SUMMARY OF FINDINGS



Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

Chart 1 shows that the average daily percentage of time spent on unpaid domestic and care work by age groups. The 45–54 age group records the highest proportion at 23.8 per cent (5 hours and 43 minutes) of daily time use, followed by the 25–44 age group at 23.3 per cent (5 hours and 35 minutes) and the 55–64 age group at 23.0 per cent (5 hours and 31 minutes). In contrast, the youngest age group (15–24 years) records the lowest proportion at 16.2 per cent (3 hours and 53 minutes). From the perspective of activity type, unpaid domestic work is highest among those aged 55–64 years at 16.4 per cent (3 hours and 56 minutes), while unpaid care work peaks among those aged 25–44 years at 9.3 per cent (2 hours and 14 minutes). This pattern reflects that individuals in the middle-age groups bear greater domestic and care responsibilities within the life course.

Chart 1: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work by age group, Malaysia, 2025



Age Group	Domestic Work	Care Work	Working Hours
Total	13.9% (3 hours 20 minutes)	7.7% (1 hours 50 minutes)	21.6% (5 hours 11 minutes)
15-24 years old	11.1% (2 hours 40 minutes)	5.1% (1 hours 13 minutes)	16.2% (3 hours 53 minutes)
25-44 years old	14.0% (3 hours 22 minutes)	9.3% (2 hours 14 minutes)	23.3% (5 hours 35 minutes)
45-54 years old	15.2% (3 hours 38 minutes)	8.6% (2 hours 04 minutes)	23.8% (5 hours 43 minutes)
55-64 years old	16.4% (3 hours 56 minutes)	6.6% (1 hours 35 minutes)	23.0% (5 hours 31 minutes)
65 years and over	15.3% (3 hours 40 minutes)	5.9% (1 hours 25 minutes)	21.2% (5 hours 05 minutes)

SUMMARY OF FINDINGS




Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

Comparisons by citizenship show that Malaysian citizens spend, on average, 21.8 per cent (5 hours and 14 minutes) of their daily time on unpaid work as compared with 19.5 per cent (4 hours and 41 minutes) among Non-citizens. In terms of ethnicity, although variations exist in the average percentage of time spent, unpaid domestic work remains a key component of time use across all ethnic groups. These findings suggest that domestic activities constitute a fundamental responsibility shared across diverse social backgrounds.

Among ethnic groups, the Others category records the highest proportion at 23.7 per cent (5 hours and 41 minutes), followed by Malays at 22.6 per cent (5 hours and 25 minutes). In contrast, the Chinese ethnic group records the lowest proportion at 20.5 per cent (4 hours and 55 minutes).

In terms of activity type, unpaid domestic work is the main contributor across all ethnic groups, while Malays record the highest proportion of unpaid care work at 8.6 per cent (2 hours and 04 minutes), indicating a greater level of involvement in care-related activities compared with other ethnic groups.

Figure 3: Proportion of time spend on unpaid domestic and care work by by citizenship and ethnic group, Malaysia, 2025






Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

Based on disability status, persons without disabilities (Non-PWD) spend an average of 21.7 per cent (5 hours and 12 minutes) of their daily time on unpaid work, compared with 12.5 per cent (2 hours and 59 minutes) among persons with disabilities (PWD). Although the proportion of time spent by PWD is lower, the findings indicate that they remain engaged in domestic and care-related activities. Among PWD, 8.3 per cent (1 hour and 59 minutes) of daily time is allocated to unpaid domestic work, while 4.2 per cent (1 hour and 1 minute) is spent on unpaid care work. These differences may be influenced by variations in physical ability and the level of support required in daily life, highlighting the need for more inclusive approaches in the provision of social support systems.

Figure 4: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work by disability status, Malaysia, 2025



Overall, the findings indicate that unpaid domestic and care work account for a significant proportion of the average daily time use of the Malaysian population. However, the differences observed across sex, age groups and other socio-demographic characteristics suggest that the distribution of time devoted to unpaid work remains unequal. This situation has implications for social well-being, economic participation and work-life balance, thereby highlighting the need for more comprehensive policy interventions to promote a more equitable distribution of time and responsibilities.

SUMMARY OF FINDINGS



Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work

Comparison of Average Daily Time Use in Malaysia and Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Countries

International time-use analyses indicate that unpaid domestic and care work constitute a major component of individuals' daily time allocation. Based on the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) approach, time-use statistics are typically collected through the use of daily time diaries, which record the distribution of activities undertaken by individuals over a 24-hour period.¹

International findings from OECD member countries show that females spend approximately 17 per cent of their daily time on unpaid domestic and care work, while males spend approximately 9 to 11 per cent of their daily time on similar activities. This disparity indicates that females in OECD countries generally allocate nearly twice as much time as males to unpaid work.^{2,3}

In the Malaysian context, females spend 25.5 per cent of their daily time on unpaid domestic and care work, while males spend 18.1 per cent. This comparison indicates that the average proportion of daily time devoted to unpaid domestic and care work in Malaysia is higher for both females and males compared with the patterns observed among the referenced OECD countries.^{4,5} However, these comparisons should be interpreted with caution, as the OECD figures are derived from international data series with the most recent reference years varying across countries.^{4,5}

REFERENCES

¹ OECD, Time use for work, care and other day-to-day activities, OECD Family Database. OECD menerangkan bahawa tinjauan penggunaan masa lazimnya menggunakan time diary untuk merekod aktiviti harian.

² World Bank Open Data, Proportion of time spent on unpaid domestic and care work, male (% of 24 hour day) OECD members; data disusun daripada kompilasi United Nations Statistics Division.

³ World Bank Gender Data Portal, Proportion of time spent on unpaid domestic and care work (% of 24-hour day), female; data bersumberkan United Nations Statistics Division.

⁴ Paparan OECD members dalam World Bank Open Data menunjukkan tahun rujukan terkini berbeza mengikut negara, contohnya Australia 2021, Austria 2022 dan Canada 2023; oleh itu perbandingan rentas negara perlu ditafsir secara berhati-hati.

⁵ World Bank Data360, Gender Statistics: Proportion of time spent on unpaid domestic and care work (% of 24 hour day). Definisi indikator menyatakan data dinyatakan sebagai proportion of time in a day dan dibezakan mengikut jantina.



Average Daily Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work


Comparison between Malaysia and International

A comparison with international findings indicates that the average proportion of daily time spent on unpaid domestic and care work is higher in Malaysia for both males and females. In Malaysia, females spend 25.5 per cent of their daily time on unpaid domestic and care work, while males spend 18.1 per cent, equivalent to 6 hours 7 minutes and 4 hours 20 minutes per day, respectively.

For comparison, international data compiled by the United Nations Statistics Division and presented through the World Bank database indicate that, among OECD countries, females spend an average of approximately 17.1 per cent of their daily time on unpaid domestic and care work, while males spend approximately 9.1 per cent. These figures are based on simple averages derived from country-level estimates with varying reference years.

The comparison suggests that the level of engagement in unpaid domestic and care work in Malaysia is higher than the average observed across OECD countries, particularly among females. However, these findings should be interpreted with caution, as the OECD figures represent simple averages based on country-level data that differ in terms of reference years and data collection methodologies.

Chart 2: Percentage of Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work by sex among selected countries



SUMMARY OF FINDINGS

CONCLUSION

The time spent analysis indicates that unpaid domestic and care work constitute an important component of the daily time allocation of the population. Based on the statistical indicator used, namely the average percentage of daily time spent on unpaid work, the findings show that these activities account for a significant share of daily life in Malaysia.

Overall, the Malaysian population allocates an average of 21.6 per cent of their daily time, equivalent to 5 hours and 11 minutes per day, to unpaid domestic and care work. This finding highlights the important role of unpaid work in supporting household functioning and social well-being, despite its contribution not being directly reflected in formal economic measures.


From a sex perspective, there is a clear imbalance in the distribution of time spent on unpaid work. Females allocate 25.5 per cent of their daily time to unpaid domestic and care work, compared with a lower proportion among males. This pattern reflects the continued concentration of domestic responsibilities among females and is consistent with international evidence showing that females consistently devote more time than males to unpaid domestic and care activities.

A comparison with OECD member countries indicates that the level of engagement in unpaid work in Malaysia is higher for both males and females. On average, females in OECD countries spend approximately 17 per cent of their daily time on unpaid domestic and care work, while males spend around 9 to 11 per cent, both substantially lower than the corresponding figures for Malaysia. These findings suggest that the overall burden of unpaid work is greater in Malaysia, although the gender imbalance observed is consistent with global trends.

These differences reflect the influence of structural factors such as the availability of care support services, prevailing social norms and labour force participation patterns. International studies have shown that countries with more comprehensive care systems and flexible work arrangements tend to record lower levels of unpaid work and smaller gender gaps in time allocation.

Overall, the findings confirm that unpaid domestic and care work are not only a social phenomenon but also a development issue with direct implications for social well-being and economic productivity. In the Malaysian context, the higher level of engagement in unpaid work compared with OECD countries highlights the need for more comprehensive policy approaches, including strengthening the care ecosystem, improving access to support services and promoting a more equitable sharing of domestic responsibilities.

In this regard, recognising the value of unpaid work, together with the implementation of policies that support work-life balance and gender equality, is essential to achieving a fairer distribution of time and enhancing the overall well-being and social development of the nation.



JADUAL STATISTIK

STATISTICAL TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

Jadual 1 : Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, Malaysia, 2025

Table 1 : Average and proportion of time spent on unpaid domestic and care work, Malaysia, 2025

Negeri <i>State</i>	Purata (Jam) <i>Average (Hours)</i>	Peratus <i>Per cent (%)</i>
Malaysia	5.2	21.6

Sumber: Survei Indikator Isi Rumah Nasional
Source: National Household Indicators Survey

Jadual 2 : Purata dan peratusan masa yang diperuntukkan bagi kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, mengikut jantina, Malaysia, 2025

